

Kewajipan dan Tanggungan Kita kepada Masyarakat

Menuju Masyarakat yang Berdasarkan “*Marḥamah*”

“Membentuk masyarakat yang berdasarkan “*marḥamah*” – Marhamaisme adalah menjadi amal usaha dan tujuan pergerakan hidup Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam*, dalam urusan dunia di antara segala bangsa.

“... *marḥamah* ialah satu ikatan hidup yang dianjurkan oleh Islam, suatu sistem yang baik sekali untuk masyarakat manusia, untuk perdamaian yang kekal dan untuk kemakmuran dunia bersama.

(Pati buah kalam al-Ustādh Darwish Taib)

Masyarakat – Marhamaisme

Istilah Marhamaisme

Marhamaisme ialah suatu istilah baharu, mengenai hal ehwal masyarakat.

Istilah Marhamaisme saya pakai untuk menyatakan suatu peraturan masyarakat yang dicita-citakan oleh Islam.

Puncanya ialah keterangan al-Quran, surah al-Balad (Negeri) ayat 17, iaitu: “*Wa tawāṣaw bi al-marḥamah*” (Wasiat-mewasiatlah kamu dengan *marḥamah*).

“Marhamaisme” berasal dari “*marḥamah*”, satu perkataan Arab yang ertinya *raḥīm* terhadap masyarakat, cinta kemasyarakatan. Diringkaskan menjadi “*marḥamun*” supaya mudah menyebutnya dengan pasangan “isme” di belakangnya, menjadi “Marhamaisme”.

“Marhamaisme” bererti isme *marḥamah*, faham *raḥīm* – sosial, haluan cinta kemasyarakatan.

Pemakaian istilah Marhamaisme kepada rangka cita-cita

kemasyarakatan, *marḥamah* memang tepat dan kena, sepasang nama dengan tujuan.

Akan tetapi sistem atau peraturan *marḥamah* itu tidak akan dikenal sebagai suatu istilah Marhamaisme sahaja.

Ayat 17 tadi hanya menunjukkan tempat pengambilan nama dan menentukan tujuannya. Sedang dasar keterangannya bersangkut paut dengan ayat-ayat yang sebelum dan sesudahnya; semua itu harus dikemukakan dan diterangkan untuk menggambarkan bentuk masyarakat *marḥamah* dengan nyata.

Corak “ke-*marḥamah*-an” akan bertambah jelas terbayang di hadapan kita bila lukisan keterangannya dimulai dengan suatu pandangan hidup, pandangan Marhamaisme.

Pandangan Marhamaisme

Pandangan hidup Marhamaisme berpedoman menurut lembaga pemakaian lughah *marḥamah* di dalam al-Qur‘ān dan hadis.

Di sana perkataan *marḥamah* serta tafsirannya – bahagian kata-katanya *rahman – raḥim, rahmah, rahama - yarḥamu – irḥam*, dan lain-lainya terletak pada tempatnya masing-masing dengan cara yang tersendiri dan had yang tertentu, akan tetapi berhubungan ertinya dengan tujuannya.

Jika disusun cara pemakaian perkataan tersebut menjadi satu “disiplin makna” dan pengertian menurut lembaga lughah “*marḥamah*”, maka kita akan memperoleh satu muka pandangan hidup yang murni, pandangan *marḥamah* terhadap Tuhan, alam semesta dan masyarakat.

Terhadap Tuhan

Perkataan *rahman – raḥīm* menjadi pandangan hidup Marhamaisme Tuhan Yang Maha Esa.

Bertentangan dengan faham Materialisme yang mengajarkan: Bahawa tak ada yang wujud selain daripada benda. Dan alam semesta hanyalah benda dan pergerakan kudratnya sendiri, maka al-Qur‘ān memberikan pertunjuk: Selain daripada benda dan pergerakannya ada Tuhan yang menjadikannya.

Di sebalik benda dan pergerakannya itu ada Tuhan yang menentukan kudratnya dan yang memimpin pergerakannya sehingga seimbang tenaganya, tertentu hukumnya dan teratur perjalanannya.

Keterangan ini tegas dalam surah “al-A‘lā” ayat 1 hingga 5 iaitu:

Subḥana rabbika al-a‘lā. Alladhī khalaqa fasawwā.

Walladhī qaddara fa hadā. Walladhī akhrajā al-mar‘ā. Fa ja‘alahu ghuthā’an aḥwā.

Makna dan huraian lanjutnya:

“Sucikanlah nama Tuhanmu yang Maha Tinggi, yang

menjadikan alam semesta semenjak dari permulaan asal hingga kesudahan wujud, dari atom hingga kepada matahari. Maka Dia (Tuhan) sempurnakan susunannya. Sehingga tiap-tiap makhluk, tiap-tiap benda, tiap-tiap anasir menjadi bahagian dalam susunan seluruhnya, berhubungan dan sempurna menyempurnakan satu sama lain.

“Dan Dia (Tuhan) beri ketentuan kudrat-Nya (kuasa-Nya): Masing-masing ada tenaganya, ada kekuatannya dan ada ketentuannya: Bersangkut paut dan tentu menentukan. Maka Dia (Tuhan) pimpin pergerakannya. Dan Dia (Tuhan) yang menjadikan tumbu-tumbuhan tumbuh menghijau, sebagai menyatakan pembangunan alam pada suatu masa, maka kemudian menjadikannya kering menghitam, sebagai menyatakan keruntuhan alam pada suatu masa yang lain pula.”

“Akan engkau maki-maki lagi Muḥammad?”

Aku telah beragama dengan agama Muḥammad dan akan aku ucapkan apa yang diucapkan Muḥammad. Kalau engkau berani cuba balas pukulanku” – Ini ialah perkataan Ḥamzah bin ‘Abd al-Muṭalib ketika memukul Abū Jahl.

Ḥamzah

Pahlawan Islam yang gagah, ayah saudara Nabī! Sejarahnya ini disebut di dalam buku Syuhada Islam 1 dengan nama:

Singa Allah

Ḥamzah ibn ‘Abd al-Muṭalib

Ceritanya bersemangat dan membawa semangat. Lihat sejarah keberaniannya. Senaskhah hanya 50 sen *post* 10 sen.

Alangkah tegasnya dan jelasnya keterangan ayat-ayat yang lima yang tertera di atas?

Ajarannya terang menimbulkan kepercayaan yang lebih dalam akan adanya Tuhan (wujudnya Allah Ta'ālā) yang menjadikan alam dan yang mengemudikan pergerakannya.

Pergerakan (peredaran) bintang-bintang yang berjuta-juta – yang kecil dan yang besar dari matahari – peredaran matahari serta planetnya, bumi dan bulan yang menjadi pengikutnya, peredaran alam semesta bersama isinya ialah peredaran atau pergerakan kudrat yang diberinya ketentuan dan pimpinan.

Itulah dia Allah *Rabb al-'ālamīn*, Pencipta alam seluruhnya. Kepada-Nyalah sifat *Rahman Rahīm*, Maha Pengasih dan Penyayang dipujikan selama-lamanya.

Dalam pandangan hidup Marhamaisme, pujian Maha Pengasih – Penyayang terhadap Tuhan Yang Maha Esa itu hanya akan terbit dari hati dan jiwa yang merasa, mengalami dan memandang segala perhubungan keperluan hidup dengan alam semesta – ialah perhubungan rahmat-Nya.

Tak ada alam hidup – tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia – yang tiada berhubungan dengan alam benda: Udara, tanah, air, api, matahari, sinar, zat dan anasir-anasir yang lain dalam menjalani alam hidup.

Sekaliannya bergabung menjadi syarat hidup yang merupakan perhubungan rahmat dari Tuhan yang bersifat *Rahman* dan *Rahīm*.

Terhadap Alam Semesta

Perkataan “rahmat” menjadi pandangan hidup Marhamaisme terhadap alam semesta. Tak ada yang terjadi dengan percuma.

Dipandang dari jurusan kepercayaan beragama, maka kepercayaan ketuhanan yang diuraikan oleh ayat yang tersebut di atas, jelas berdasarkan ilmu pengetahuan. Ilmu alam yang dibentangkannya barangkali belum sempurna difaham pada zaman dahulu, akan tetapi nyata telah dapat diselidiki pada zaman kita ini.

Siapa yang menyangkal, bahawa sudah hampir 14 kurun lamanya sampai sekarang al-Qur'ān telah mengajarkan dasar ilmu pengetahuan tentang alam semesta yang begitu tinggi, yang hanya baharu dapat dibuktikan dalam kurun kesembilan belas dan kedua puluh ini?

Ayat-ayat Qur'ān yang lima (dari surah al-A'lā) yang kita sajikan di atas, menggambarkan peristiwa alam yang bergerak dan berubah sentiasa dalam keadaan tumbuh dan tumbang, bangun dan runtuh, datang dan pergi silih berganti.

Di pucuk buah yang jatuh, di tanah biji yang tumbuh, di tengah dahan yang lapuk, gugur ke pangkal memupuk gemuk.

Di atas bukit yang runtuh, di bawah jurang yang penuh, menurun lumpur merempuh, melimpah lembah yang subur.

Dari langit sinar menekan, di laut air menahan, naik mengewap menjadi awan, mengedari bumi menyebarkan hujan, mengalir hilir mencari selokan, mengairi sawah melambuk tegalan.

Di sana banjir menimbun pantai lautan, di sini ombak meruntuh tanah daratan.

Tumbuh tumbang, bangun runtuh, timbul tenggelam ialah keadaan alam yang selalu dalam pergerakan dan perubahan.

Alam semesta berada dalam keadaan bergerak, berubah dan menjelma. Semuanya dalam peristiwa kejadian dan perkembangan.

Segala penjelmaan, segala kejadian dan perkembangan itu ialah akibat perjuangan dari pertentangan yang berpasang-pasangan.

Sungguh nyata firman Allah Ta'ālā dalam surah Yasin, ayat 36:

“Maha Suci Tuhan yang menjadikan alam seluruhnya berpasang-pasangan: baik dari yang tumbuh di bumi, baik dari diri manusia sendiri, baik dari barang yang tidak (belum) diketahui mereka.”

Menurut ayat ini, alam semesta berpasangan bendanya, berpasangan kuasanya, berpasangan tubuhnya – tenaganya, alat kekuatannya, zatnya dan sifatnya. Berpasangan dalam pertentangannya.

Ada jantan betinanya, lelaki perempuannya, ada tarik tolaknya, kesan dan kesan balasnya. Ada proton dan elektronnya, positif dan negatifnya, *thesis* – *anti-thesis* dan *synthesis*.

Hidup mati, nyala padam, terang gelap, kembang musnah, semuanya ialah kenyataan dari keadaan alam yang sentiasa dalam penjelmaan, kejadian dan perkembangan.

Menjelma, menjadi dan berkembang ialah hasil perjuangan alam yang berpasangan pertentangannya dan bersatu dalam pergerakannya.

Berpasang, bertentangan – berjuang dan berkembang, itulah lapangan pergerakan alam.

Di situlah terletak rahmat Tuhan yang lebih dalam!

Alangkah lamanya ajaran ayat ini terpendam dalam timbunan belasan kurun yang lalu, lama sebelum “Kant” (seorang ahli pengetahuan Eropah) mengemukakan teori “*dualism*”, memecah soal dunia dalam segala “dua” (yang berpasangan), dan sebelum “Hegel” (seorang ahli pengetahuan Eropah juga) mengembangkan teori sains – *thesis* – *anti-thesis* dan *synthesis*-nya sebelum *Dialectica*-nya.

Maka dalam pandangan hidup Marhamaisme (*ke-marhamah-an*) bertambah nyata tergambar rahmat Tuhan berkenaan dengan alam semesta dan bertambah sempurna rahmat-Nya itu dengan kedatangan

Sudah Terbit:

SEJARAH PERAK DAHULU

DAN

SEKARANG

Oleh:

Abdullah Hj. Musa (Lubis)

“... Pelajaran Sejarah ada lah satu jenis pelajaran yang mustahak bagi sa-suatu bangsa yang sedang menuju kemerdekaan”

Lengkap dengan bergambar satu-satu-nya buku Sejarah Tanah Air yang terbaik!

Huruf Rumi:

Sa-naskhah \$1.20 Post 10 sen

Ambil banyak di-beri potongan.

Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* menjadi rasul-Nya, dan turunnya al-Qur‘ān kepadanya menjadi pertunjuk bagi manusia seluruhnya, dalam hidupnya, dalam pergerakan yang terus-menerus menuju arah kesempurnaannya.

Pergerakan alam yang berpasang, berjuang dan berkembang menuju arah kesempurnaannya itu merupakan gerak yang bersambungan, berjinjing naik meningkat kemajuannya.

Tiap-tiap tingkat kemajuan yang telah dicapainya menjadi tangga untuk naik menuju tingkat yang lebih tinggi sampai kepada had kesempurnaannya, iaitu had atau perenggan kehancurannya apabila kiamat dunia sudah datang

Di situlah tempat berhenti segala tenaga kuasanya. Di akhirat tempat berhenti segala pergerakannya dan tempat kemusnahan segala bendanya. Pada masa itulah penjelmaan alam *fanā’*.... ke alam *baqā’*

Khusyukkah sembahyang tuan?

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa kita ini berasal dari setitik air yang hanyir dan akan kembali menjadi bangkai yang busuk yang tidak ada harganya.” – Kata Kiyai Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad Hasbi.

Sujudlah kepada Tuhanmu!

Disusun oleh ‘Idrūs

Sebuah buku *serial* syarahan 2 yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskhah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.

Terhadap masyarakat

Perkataan “*marḥamah*” menjadi pandangan hidup “Marhamaisme” terhadap masyarakat, terhadap manusia sedunia. *Marḥamah*, *raḥīm* dalam pergaulan hidup, cinta masyarakat, menjadi tujuan sabda Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*.

“*Irḥamū man fi al-ard, yurḥamkum man fi al-samā’.*”

“Bersifat *marḥamah*-lah, berfaham *raḥim*-lah dalam pergaulan, berhaluan cinta masyarakatlah terhadap manusia di muka bumi, supaya Tuhan merahmati mu pula.”

Maksud hadis ini terang dan nyata menuntut supaya sifat *marḥamah*, *raḥīm* dalam pergaulan, diwujudkan dalam alam kenyataan, menjadi ikatan pergaulan hidup manusia, menjadi *hablu min al-nās*.

Membentuk masyarakat yang berdasarkan *marḥamah* adalah menjadi amal usaha, menjadi tujuan pergerakan hidup Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* dalam urusan dunia di antara segala bangsa.

Masyarakat ialah urusan dunia, urusan “*hablu min al-nās*”, bukan urusan akhirat. Di akhirat tiada soal masyarakat. Di akhirat bukan masyarakat yang bertanggungjawab, melainkan orang seorang yang berhadapan langsung dengan Tuhannya.

Berkenaan dengan soal masyarakat dunia, *marḥamah* ialah satu ikatan hidup yang dianjurkan oleh Islam, satu sistem yang baik sekali untuk masyarakat manusia, untuk perdamaian yang kekal dan untuk kemakmuran dunia bersama.